



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**UCAPAN SEMBAH MENJUNJUNG KASIH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG**

**YB DATO' SERI NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

LAWATAN KE RUMAH SERI KENANGAN CHERAS

7 JUN 2023 (RABU)

1. Menghadap,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon diampun

2. Patik ingin mengucapkan setinggi-tinggi Junjungan Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku atas limpah perkenan berangkat bercemar duli bagi lawatan ke Rumah Seri Kenangan, Cheras sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tahun 2023.

3. Sesungguhnya patik dan seluruh pacal-pacal warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menghitung hari serta berasa amatlah berbesar hati lagi teruja menyambut keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku pada hari ini.

Ampun Tuanku,

4. Patik juga mohon limpah perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk patik mengalu-alukan para tetamu yang lain.

[SALUTASI]

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail

isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Yang Berhormat Hajah Aiman Athirah binti Sabu

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri

Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Encik Norazman bin Othman

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi yang turut hadir dalam majlis ini.

Ampun Tuanku,

5. Patik menjunjung kasih atas keprihatinan tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berkaitan perjalanan operasi serta fungsi-fungsi institusi kebajikan di bawah Kementerian ini.

6. Dalam hubungan ini patik sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku telah berkenan dan menjadikan Rumah Seri Kenangan Cheras sebagai destinasi lawatan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Ampun Tuanku,

7. Malaysia bakal mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15 peratus dari jumlah penduduk berumur 60 tahun dan ke atas. Sebagai persediaan ke arah status negara tua, kita perlu memastikan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif selaras dengan Dasar Warga Emas Negara.

8. Selain itu, bersesuaian dengan adat ketimuran, adalah digalakkan generasi muda untuk terus menjalankan tanggungjawab sebagai anak dan tidak

mengabaikan ibu bapa mereka. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, sebahagian warga emas Malaysia juga mahu terus tinggal bersama-sama keluarga di usia emas mereka. Institusi kekeluargaan yang kukuh dan perhubungan erat antara generasi adalah penyumbang ke arah kesejahteraan warga emas.

9. Sehubungan itu, Rumah Seri Kenangan sewajarnya menjadi pilihan terakhir bagi warga emas negara ini menjalani usia emas mereka.

Ampun Tuanku,

10. Sukacita juga patik ingin sembah ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku bahawa Yang Berbahagia Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, akan menyampaikan sembah taklimat yang lebih menyeluruh berkenaan Rumah Seri Kenangan selanjutnya nanti. Sehubungan dengan itu, patik amat berbesar hati dan mengalu-alukan sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku nanti berhasrat untuk mendapat penerangan lebih lanjut khususnya berhubung struktur, fungsi mahupun sebarang perkara berkaitan Rumah Seri Kenangan.

11. Mudah-mudahan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ini akan menjadi pembakar semangat bagi patik-patik sekalian melaksana dan melunaskan tugas-tugas bagi menjaga dan melindungi warga emas di negara bertuah ini.

Ampun Tuanku,

12. Akhir bicara, patik mewakili seluruh warga yang hadir, sekali lagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke Rumah Seri Kenangan Cheras dan mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku terus dikurniakan taufik dan hidayah, dilanjutkan usia zaman untuk bersemayam bersama Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas takhta pemerintahan Negara.

13. Moga-moga Tuhan mendatang-datangkan rahmat bahagia dan melimpahkan kurniaNya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku dan Negara Malaysia.

Menjunjung kasih Tuanku

Sekian sahaja sembah ucapan patik.

Ampun Tuanku.